

Arifin Pengerusi PNB baharu

KUALA LUMPUR – Yayasan Pelaburan Bumiputra (YPB) mengumumkan pelantikan Tun Arifin Zakaria sebagai Pengerusi Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan Pemegang Amanah YPB berkuat kuasa 6 Mei 2021.

Arifin adalah Ketua Hakim Negara antara tahun 2011 dan 2017 dan merupakan Ketua Hakim Mahkamah Tinggi Malaya dari tahun 2008 hingga 2011.

Sebelum itu, Arifin telah berkhidmat dalam pelbagai jawatan di Pejabat Kehakiman dan juga Jabatan Perundangan Kerajaan Malaysia, termasuk sebagai Majistret, Presiden Mahkamah Seksyen, Peguam Persekutuan dan Peguam Kanan Persekutuan, Penasihat Undang-undang kepada Kementerian Perusahaan Utama dan juga Jabatan Perkhidmatan Awam, serta Timbalan Penggubal Parlimen dan Peguam Persekutuan Kanan Jabatan Hasil Dalam Negeri.

Pada tahun 1992, Arifin dilantik sebagai Pesuruhjaya Kehakiman

Mahkamah Tinggi Malaya, dan dua tahun kemudiannya sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Malaya. Setelah itu beliau ditugaskan ke Mahkamah Rayuan Malaysia pada tahun 2002 dan Mahkamah Persekutuan Malaysia pada tahun 2005.

YPB juga mengumumkan pelantikan Datin Norazah Razali ke Lembaga Pengarah PNB berkuat kuasa 6 Mei 2021.

Norazah merupakan Penasihat Kanan di Boston Consulting Group (BCG), yang berperanan menyokong dan menasihati perniagaan dan organisasi di seluruh Asia Tenggara.

“Lembaga Pengarah, pengurusan dan kakitangan PNB mengalu-alukan Arifin dan Norazah ke Lembaga Pengarah PNB dan teruja menantikan sumbangan mereka dalam mengawasi institusi dan aset yang diuruskan bagi pihak 14 juta rakyat Malaysia,” kata Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn dalam satu kenyataan pada Khamis.



ARIFIN